

02 JAN 2002

Mahathir-Jamuan (Bergambar)

PM HADIRI JAMUAN AIDILFITRI JPM

PUTRAJAYA, 2 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri jamuan Hari Raya anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Beliau ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di JPM Datuk Pandikar Amin Mulia, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed dan kakitangan JPM.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia bernasib baik kerana dapat mengadakan jamuan Aidilfitri dalam suasana aman, tidak seperti banyak negara lain yang dilanda pelbagai masalah seperti peperangan.

Beliau berkata negara juga berada dalam keadaan makmur sehingga membolehkan kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus (mulai Januari ini) yang diharap dapat meringankan sedikit beban mereka.

"Inilah sebabnya kita harus bersyukur dengan keadaan negara kita dan memikirkan tentang kebaikan yang datang daripada sikap kita yang sederhana dan suka kepada keamanan," katanya.

Dr Mahathir dan beberapa orang kenamaan yang hadir memotong sebiji kek serta melawat gerai-gerai yang menyediakan pelbagai masakan dan kuih-muih tempatan sebelum menikmati juadah yang disediakan.

-- BERNAMA

MAM ZS PR